

AKAL BUDI DALAM CERITA RAKYAT DI TUMPAT, KELANTAN: SATU PENELITIAN TERHADAP PENGKAEDAHAN ALAMIAH

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB
Universiti Malaysia Kelantan
firdaus.cy@umk.edu.my

ABSTRAK

Akal budi merupakan sesuatu yang terdapat dalam karya sastera seperti cerita rakyat yang bertujuan untuk mengajar disiplin sendiri kepada golongan muda. Akal budi sering kali diterapkan dalam penceritaan cerita rakyat oleh seorang penutur amatir bagi mendidik anak-anak muda akan adat resam, kebudayaan setempat dan undang-undang peradaban masyarakat Melayu. Akan tetapi, pengkajian terhadap cerita rakyat mempunyai kelompondan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Hal ini kerana pengkaji terdahulu kurang menekankan aspek akal budi dalam pengkajian mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Kajian ini juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan yang seharusnya diketengahkan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu.

Kata Kunci: Akal budi; cerita rakyat; daerah Tumpat; Pengkaedahan Alamiah; penutur amatir

COMMON SENSE IN FOLKLORE IN TUMPAT, KELANTAN: A STUDY ON NATURAL METHODS

ABSTRACT

Common sense is something found in literary works such as oral narratives that aim to teach self-discipline to young people. Common sense is often applied in folklore storytelling by a amateur speakers to educate young people about the customs, local culture and laws of the Malay civilization. However, the study of oral narratives has been lacking by previous researchers. This is because previous researchers did not emphasize the aspect of common sense in their study. Therefore, this study was conducted for the purpose of identifying and analyzing the common sense contained in the folklore in the district of area Tumpat, Kelantan. Thus, this study uses qualitative methods, namely library methods and field research methods. This study also uses Methodology Malay Theory as the deductive of the study. Results of the study found that there are some common sense contained in the folklore in Tumpat, Kelantan, which should be brought to the knowledge of the Malay community in particular.

Keywords: Common sense; folklore; Tumpat district; Natural Methods; amateur speakers

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan satu bentuk sastera tradisional yang dimiliki secara bersama-sama oleh sebuah komuniti seperti masyarakat Melayu. Nik Rafidah Nik Mohamad Affendi (2013) telah membincangkan mengenai cerita rakyat adalah satu bentuk karya yang memenuhi pemikiran daya kreativiti untuk golongan kanak-kanak di samping mengajar mereka mengenai adat resam masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana yang menggarap sesebuah cerita rakyat akan berupaya untuk menarik perhatian kanak-kanak dan membuatkan kanak-kanak mampu untuk menerokai penceritaan yang disampaikan kepada mereka. Ia terjadi kerana penutur amat memasukkan elemen jenaka untuk menarik perhatian mereka. Kesannya, kanak-kanak akan dibiarkan untuk mengeksplotasi daya pemikiran mereka dengan cerita yang telah disampaikan oleh penutur amat.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) telah membincangkan mengenai cerita rakyat merupakan satu bentuk karya Melayu yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah penyampaian yang dilakukan adalah antara mulut ke mulut yang mampu menjadikan naratif lisan sebagai warisan rakyat. Ia disampaikan oleh golongan rakyat biasa sebagai hiburan di waktu lapang setelah penat bekerja pada siang hari. Perbuatan ini mampu mengeratkan hubungan antara masyarakat setempat melalui kegiatan berkumpul pada suatu masa yang ditetapkan. Kesannya, masyarakat setempat mampu menyemai intipati yang disampaikan oleh penglipur lara ke dalam kehidupan sehariannya.

Penelitian Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) pula telah memperincikan mengenai cerita rakyat merupakan bentuk penyampaian yang kreatif oleh masyarakat Melayu bagi tujuan memberi didikan dan nasihat kepada anggota komunitinya. Didikan yang disampaikan oleh warga tua akan menjadi pedoman hidup untuk golongan muda menerima adat resam yang diterapkan dalam kehidupan. Secara tidak langsung, didikan tersebut mampu membentuk satu kelompok masyarakat yang bertatasusila khususnya dalam perhubungan sesama anggota komunitinya. Akhirnya, kanak-kanak yang diasuh sebegitu mampu untuk memiliki moral yang positif kerana asas didikan yang baik diterapkan dalam diri mereka.

Selain itu, akal budi ditakrifkan sebagai perlakuan seseorang individu yang memiliki fikiran bagi menyampaikan sesuatu perkara (Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaludin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana individu tersebut menggunakan proses abstrak bagi menyatakan sesuatu perkara. Hal ini menyebabkan individu tersebut menggunakan naratif lisan sebagai bahan untuk menyampaikan pesanan atau nasihat kepada masyarakat setempat. Pesanan atau nasihat yang disampaikan merupakan sesuatu yang berguna untuk diaplikasikan oleh masyarakat setempat dalam kehidupan seharian. Kesannya, masyarakat yang memiliki akal budi akan sentiasa berusaha untuk menyebarkan kebaikan ke dalam diri orang lain.

Disamping itu, Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid (2018) telah memperincikan mengenai akal budi adalah suatu pemikiran yang sihat dan waras. Hal ini berlaku demikian kerana ia melibatkan minda yang memproses makna dan pemahaman terhadap sesuatu perkara. Ia bagi mencetuskan idea yang kreatif dan mampu membuat satu pertimbangan yang wajar. Hal ini menyebabkan seseorang individu mampu membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan bijaksana. Natijahnya, ia memperlihatkan kemampuan peranan akal fikiran menerusi otak manusia yang beroperasi seiring dengan ilmu pengetahuan yang diperolehi.

SOROTAN KAJIAN CERITA RAKYAT

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas demi melihat kelompongan kajian sebelum ini. Pertama, kajian lepas yang bertajuk *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak* oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2019). Kajian ini telah memperincikan mengenai cerita binatang yang menjadi pegangan utuh untuk sesebuah masyarakat. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan membincangkan mengenai adab kepimpinan melalui *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini membataskan untuk meneliti adab kepimpinan dalam *Kisah Sang Kancil dan Memerang*. Kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan hasil yang mampan. Hasil dapatan mendapati cerita rakyat yang dipaparkan ini memiliki adab kepimpinan menerusi tingkah laku watak-wataknya.

Kajian yang bertajuk *Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih* oleh Asniza Zakaria (2019) memperihalkan tentang lagenda yang menjadi identiti sesebuah penempatan. Kajian ini memperlihatkan kisah lagenda yang dianggap sejarah kepada penempatan tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan membincangkan tentang motif darah putih menerusi kisah *Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks sebagai langkah pemangkin untuk memperoleh data yang sahih. Hasil dapatan kajian mendapati darah putih merupakan satu simbolik agung kepada individu yang berkata benar.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Kajian ini memperihalkan tentang cerita rakyat sebagai tatacara kehidupan yang dirasai oleh masyarakat Melayu tradisional lantas diselitkan ke dalam satu bentuk penceritaan yang menjadi kepercayaan setiap komunitinya. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan nilai-nilai Islam dalam pembentukan akhlak menerusi cerita rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks bagi menghasilkan satu bentuk analisis yang utuh. Oleh hal yang demikian, kajian ini juga menggunakan pendekatan dalam Teori Takmilah sebagai deduktif kajian ini. Hasil daripada kajian ini mendapati terdapat nilai-nilai Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu masih berlandaskan syariat yang dituntut dalam ajaran Islam.

Selanjutnya, kajian yang bertajuk *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif* dilakukan oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020). Kajian ini memperlihatkan tentang cerita rakyat yang banyak memberi manfaat kepada pendidikan golongan muda. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan membincangkan tentang peristiwa aneh yang terkandung dalam cerita *Hikayat Nakhoda Muda*. Kajian ini turut membataskan untuk meneliti satu cerita rakyat, iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* bagi mempamerkan peristiwa-peristiwa aneh yang berlaku dalam penceritaan tersebut. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks sebagai kaedah yang fleksibel dengan keadaan semasa. Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa peristiwa-peristiwa aneh dalam *Hikayat Nakhoda Muda* telah sehati dengan amalan yang menjadi kepercayaan masyarakat setempat.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Nilai Kepahlawanan dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragan di Sabah* diteliti oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021). Kajian ini membincangkan mengenai sifat ketokohan dalam masyarakat Suku Kimaragan yang menjadi jati diri kaum tersebut. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai kepahlawanan yang ada dalam cerita rakyat Suku Kimaragan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan hasil yang

mampan. Dapatan kajian memperoleh nilai kepahlawanan menerusi cerita rakyat yang disampaikan dalam Suku Kimaragan yang menggambarkan ketinggian akhlak dan keberanian masyarakatnya.

Terdapat kajian lain yang bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memperincikan cerita lisan sebagai satu bentuk kepercayaan yang dipelajari oleh masyarakat Melayu mengikut syaria Islam. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang wujud dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini turut membataskan untuk meneliti beberapa nilai Islam menerusi buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks sebagai pengukuhan analisis. Kajian ini juga menggunakan pendekatan dalam Teori Takmilah sebagai deduktif kajian yang kukuh. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita lisan Melayu memiliki nilai-nilai Islam yang mampu membentuk keperibadian yang mulia.

Kajian bertajuk *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) menerangkan tentang kisah lagenda yang menjadi simbolik kepada rakyat negeri Sarawak. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah lagenda ini memperincikan kebolehan seseorang tokoh yang mencerminkan kepercayaan masyarakat setempat. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis struktur politik tempatan menerusi naratif *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Kajian ini membataskan untuk meneliti aspek politik dalam naratif bertajuk *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Oleh hal yang demikian, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks sebagai pengukuhan data kajian. Kajian ini turut menggunakan teori pragmatik sebagai deduktif yang mampan. Hasil daripada kajian mendapati kisah *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang* memiliki elemen dalam memperkukuhkan pentadbiran sesebuah negeri mahupun masyarakat setempat.

Kesimpulannya, bentuk kesusasteraan Melayu tradisional memiliki daya kedinamikan yang berpanjangan bagi menarik para pengkaji untuk mendalaminya. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas masih memiliki kelompongan khususnya terhadap aspek akal budi menerusi cerita rakyat Melayu. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menambahbaik kajian terdahulu dengan iaitu memartabatkan kembali akal budi dalam cerita rakyat Melayu.

PENYATAAN MASALAH

Kajian ini telah melihat terdapat kelompongan dalam aspek akal budi. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan kajian lepas menegaskan unsur nilai-nilai murni, jati diri dan pemupukan akhlak dalam kalangan kanak-kanak berbanding akal budi. Diantara para sarjana yang mendukung hal ini ialah Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2019), Asniza Zakaria (2019), Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020), Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021), Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dan Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021). Oleh kerana itu, kajian ini dilakukan bagi mengembalikan salah satu kebudayaan masyarakat Melayu iaitu elemen akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Ia membolehkan kajian ini mengisi kelompongan pada kajian lepas terutama dalam aspek kajian akal budi. Kajian ini telah mempraktikkan Pengkaedahan Alamiah dalam Teori Kebudayaan Melayu oleh Hashim Awang (2002). Natijahnya, kajian ini mampu mengembalikan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi pengamatan terhadap cerita rakyat disamping ia diaplikasikan dalam kehidupan seharian oleh golongan muda pada masa kini.

METODOLOGI KAJIAN

Menerusi bahagian metodologi, kajian ini memperincikan kaedah yang digunakan, iaitu kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan terbahagi kepada dua, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah kepustakaan adalah bertujuan untuk mencari maklumat mengenai cerita rakyat secara lebih jelas dan terperinci. Antara bahan yang digunakan dalam kaedah kepustakaan ini adalah buku-buku, jurnal-jurnal sastera, kertas kerja seminar, tesis sastera para sarjana, kamus, dan sumber internet yang sah. Bahan-bahan ini diambil dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur serta Perpustakaan Awam Kelantan. Bahan-bahan ini digunakan untuk merumuskan aspek akal budi berdasarkan pengetahuan ilmiah.

Seterusnya, kaedah kajian lapangan dilaksanakan bagi memperlihatkan proses-proses pengkaji memperoleh data kajian secara terperinci dan bersistematik. Kaedah lapangan ini meliputi proses temu bual dengan Encik Nawawi bin Yaacob di daerah Tumpat, Kelantan. Terdapat beberapa soalan secara lisan ditujukan kepada penutur amatur bagi mendapatkan cerita rakyat di kawasan kajian. Hal ini penting bagi mendapatkan cerita rakyat yang berkualiti untuk menerajui aspek akal budi. Akhirnya, hasil temu bual ini mampu untuk memperolehi bentuk cerita rakyat yang bersesuaian dengan objektif kajian ini.

Disamping itu, proses merakam audio dan video dilaksanakan bagi membuktikan kesahihan cerita rakyat yang diperolehi oleh pengkaji di daerah Tumpat, Kelantan. Hasil rakaman video dan audio ini membuktikan proses kaedah lapangan yang dijalankan di kawasan kajian, iaitu Tumpat, Kelantan. Sehubungan dengan itu, rakaman video dan audio ini telah ditapis beberapa kali bagi mendapatkan cerita rakyat yang menepati dengan ciri-ciri kajian ini. Akhirnya, data yang diperolehi dapat dikumpulkan secara sistematik dan teratur bagi mengenalpasti serta menganalisis akal budi menerusi cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan.

TATACARA PENYELIDIKAN

Pada bahagian tatacara penyelidikan, kajian ini mempamerkan kerangka kajian *folklore* oleh Dundes (1965) yang menekankan tiga peringkat utama, iaitu pengenalpastian, pengumpulan data dan analisis. Pada peringkat pengenalpastian, ia merujuk kepada perbincangan awal antara pengkaji dengan penutur amatur bagi memudahkan urusan kajian ini dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjasama antara dua pihak, iaitu pengkaji dan penutur amatur penting bagi menyempurnakan dapatan kajian ini. Oleh kerana kajian ini menumpukan kawasan kajian, iaitu di daerah Tumpat, Kelantan. Pengkaji telah menemui ketua kampung bagi mendapatkan maklumat mengenai penutur amatur di kawasan berkenaan. Dengan itu, ketua kampung telah mencadangkan lima orang nama sebagai penutur amatur, iaitu Encik Shaari, Encik Salleh bin Mat Zin, Encik Mohd Nawawi bin Yaacob, Encik Abdullah bin Mahmud dan Encik Roshdi bin Ramli. Akibatnya, maklumat mengenai penutur amatur ini penting bagi melancarkan proses-proses pengumpulan data dilakukan secara sistematik dan tersusun.

Peringkat pengumpulan data melibatkan proses perbincangan awal antara pengkaji dan penutur amatur yang dilaksanakan secara tidak formal. Menerusi peringkat ini, pengkaji akan mengambil pendekatan untuk mendapatkan tarikh dan masa yang bersesuaian mengikut kelapangan waktu penutur amatur. Hal ini berlaku demikian kerana pengkaji ingin mewujudkan satu hubungan yang baik dengan penutur amatur bagi kelancaran pemerolehan data dilaksanakan dalam menjalankan kajian ini. Apabila kata sepakat dicapai antara dua pihak, maka proses rakaman video dan audio dapat dilaksanakan secara terancang dan berskala. Melalui peringkat pengumpulan data ini, pengkaji mampu mendapatkan cerita rakyat yang memiliki elemen akal budi di daerah Tumpat, Kelantan. Elemen tersebut diperolehi melalui hasil temu bual pengkaji dengan Encik Mohd Nawawi bin Yaacob selaku penglipur lara di daerah

Tumpat, Kelantan. Aktiviti temu bual ini telah dilakukan secara berkumpulan, iaitu seramai tiga orang. Setiap ahli kumpulan memiliki tanggungjawab serta peranan tersendiri bagi menjadikan kajian ini lebih sistematik dan teratur. Sebagai contoh individu yang berperanan sebagai jurukamera, pencatat serta penemu bual. Waktu temu bual ini dijalankan adalah mengikut kelapangan masa penglipur lara. Oleh itu, aktiviti temu bual ini dilaksanakan pada tarikh 15 September 2020 bagi mendapatkan cerita rakyat yang mencapai objektif kajian ini.

Menerusi peringkat analisis, ia meliputi data yang diperoleh di daerah Tumpat, Kelantan. Data ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Elemen akal budi ini akan ditapis secara sistematik melalui sokongan daripada kajian-kajian lepas. Hal ini bagi mengukuhkan hujah serta dapatan kajian ini mengenai elemen akal budi dalam cerita rakyat. Oleh itu, Pengkaedahan Alamiah dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah dijadikan sebagai deduktif kajian ini untuk memantapkan hasil dapatan kajian. Hal membolehkan cerita rakyat dimartabatkan semula dalam kalangan masyarakat Melayu disamping menyemai akal budi kepada sesebuah komuniti.

ALAT BANTUAN KAJIAN

Alat bantuan kajian merupakan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan sebuah kajian bersifat sistematik dan fleksibel. Peralatan yang digunakan mestilah bersesuaian dengan tahap pelaksanaan penyelidikan ini. Ia untuk membolehkan pelaksanaan kajian mencapai piawaian akademik yang diselaraskan. Proses ini melibatkan peringkat mengemaskini data daripada bentuk lisan ke dalam bentuk penulisan yang bersifat akademik. Hal ini membolehkan cerita rakyat yang disampaikan dalam bentuk komunikasi secara lisan oleh masyarakat terdahulu dikekalkan dengan peralihan kepada bentuk penulisan bersifat akademik. Ia mampu memartabatkan semula unsur akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut dalam dunia penyelidikan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kamera dan alat perakam suara. Kedua-dua alat ini digunakan bagi membuktikan cerita rakyat yang diperolehi daripada penutur amatur. Hal ini membolehkan cerita rakyat yang diperolehi mampu menjadi rujukan ilmiah kepada pengkaji untuk menghasilkan kajian yang mantap.

PROSES MENGANALISIS

Apabila data-data cerita rakyat telah diperolehi di daerah Tumpat, Kelantan, maka pengkaji telah mengubah bentuk cerita rakyat daripada lisan kepada penulisan ilmiah. Hal ini bagi memudahkan golongan pembaca untuk memahami intipati kandungan cerita rakyat menggunakan Bahasa Melayu. Hal ini berlaku demikian kerana cerita rakyat yang disampaikan oleh penglipur lara dalam dialek Kelantan. Oleh itu, pengkaji telah menterjemah dialek Kelantan ke dalam bahasa Melayu bagi memudahkan golongan pembaca membacanya. Dengan itu, kajian ini berusaha menganalisis cerita rakyat yang bertajuk *Tujuh Bersaudara, Jong Terbakar, Tok Ayah Sin dan Kapal Tujuh Pengembara*.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Kajian ini telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pengkaedahan Alamiah dalam kajian. Teori Pengkaedahan Melayu dipilih kerana mempunyai kaitan dengan kebudayaan yang sinonim dengan kehidupan masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dan dikemukakan berlandaskan bahawa

semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara, sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karya sendiri. Sehubungan dengan itu, teori ini memperlihatkan perutusan serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Namun begitu, kajian ini memperlihatkan pendekatan terhadap Pengkaedahan Alamiah yang dilihat amat dekat dengan persekitaran masyarakat Melayu.

Pengkaedahan Alamiah terbahagi kepada tiga pendekatan, iaitu Gunaan, Moral dan Firasat. Pengkaedahan Alamiah yang pertama ialah Pendekatan Gunaan. Ia menggambarkan kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang diterapkan ke dalam sesebuah karya sastera. Sebuah karya sastera dan alam perlu saling berkaitan demi melahirkan karya yang baik dan bermanfaat untuk menyampaikan pemikiran dan falsafah kehidupan masyarakat. Justeru, kenyataan ini menegaskan bahawa perkaitan di antara manusia dan alam berperanan dalam penghasilan sesebuah karya yang baik dan menarik (Hashim Awang, 2002).

Seterusnya, Pendekatan Moral merupakan bentuk sastera yang berupa kejadian dan objek, namun kejadiannya berdasarkan Pendekatan Moral, bukan lagi berbentuk sesuatu kewujudan yang menyamai alat atau tentang peristiwa yang berlaku atau yang telah dilalui oleh manusia, sama ada memberikan kesan positif atau negatif. Pendekatan Moral bersifat pengalaman hidup manusia, iaitu pengalaman yang dilalui manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunia termasuk kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang melibatkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti (Hashim Awang, 2002). Justeru, Pendekatan Alamiah digunakan bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi pendidikan. Ia bertujuan mencapai pembelajaran secara konduktif menerusi komunikasi secara langsung dengan penyampainya.

Selain itu, Pendekatan Firasat. Sastera adalah suatu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Namun pengalaman hidup ini lebih mengarah kepada pengalaman pencipta karya yang penuh dengan daya misteri. Namun begitu, mimpi yang dilakukan itu secara sedar dan didasari kepada matlamat dan wawasan yang khusus. Pendekatan Firasat sering dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk menentukan pengertian atau pencarian makna mimpi, dikenali sebagai ta'abir, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu (Hashim Awang, 2002). Justeru, Pendekatan Firasat menggunakan pengalaman yang menjadi erti dalam kehidupan sebagai intipati pembelajaran bagi menyampaikan ilmu.

AKAL BUDI DALAM PEMIKIRAN MASYARAKAT MELAYU MENERUSI CERITA RAKYAT DI TUMPAT, KELANTAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Antara akal budi yang telah digariskan adalah sikap saling kebergantungan menerusi perlakuan bergotong-royong, sikap sabar menerusi perlakuan baik hati, sikap toleransi menerusi perlakuan bermuafakat dan tindakan mengawal hawa nafsu dalam kalangan masyarakat.

Sikap Saling Bergantungan Menerusi Perlakuan Bergotong-Royong

Bergotong-royong merupakan kegiatan saling membantu antara masyarakat setempat (*Kamus Dewan*, 2007; Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah, 2017; Ani Omar, 2017). Ia ditakrifkan sebagai aktiviti secara berkelompok yang dilakukan secara sukarela tanpa paksaan mana-mana pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang mengamalkan perbuatan ini mampu untuk menyelesaikan masalah mahupun menambahbaik kehidupan melalui tindakan kerjasama. Akhirnya, semangat kejiiran sesama masyarakat mampu dipupuk kerana kesedaran dan keprihatinan masyarakat untuk sama-sama mencari jalan penyelesaian disamping memiliki kehidupan yang harmoni. Perlakuan bergotong-royong mampu diperjelaskan menerusi tajuk cerita rakyat *Tujuh Bersaudara* dalam petikan seperti di bawah:

Petikan 1

Setelah lama menggali, dia masih tidak menjumpai punca air walaupun telah digali dengan dalam. Dia keletihan dan menyuruh saudaranya yang lain menggali telaga di tempat lain kerana dia berpendapat di situ tidak mempunyai punca mata air. Maka, saudaranya menggali telaga tidak jauh dari telaga pertama tadi. Malangnya, telaga kedua juga tidak menemui punca mata air walaupun dia menggali sehingga keletihan. Salah seorang daripada mereka juga mula menggali telaga yang ketiga tidak jauh dari telaga kedua. Namun, hasilnya tetap sama dengan telaga yang sebelumnya tidak ada punca mata air yang ditemui. Saudara mereka yang keempat mengambil cangkul dan mula menggali telaga keempat dengan harapan menemui punca mata air untuk diminum.

(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, sikap saling kebergantungan menerusi perlakuan bergotong-royong mampu diperhatikan pada watak tujuh bersaudara. Tujuh bersaudara ini dikatakan suka mengembara lalu memutuskan untuk menetap di satu kawasan apabila kehabisan bekalan air. Apabila kehabisan air, salah seorang daripada tujuh saudara ini telah menggali untuk mencari punca air namun tidak dijumpai. Lantas, enam saudaranya yang lain turut menggali bagi mencari punca air. Mereka saling bergotong-royong bagi mendapatkan punca air bagi meneruskan niat mereka untuk terus tinggal di kawasan itu. Biar pun banyak kali mencuba tetapi mereka tidak berhasil menemukan punca air.

Lebih-lebih lagi, perlakuan bergotong-royong ini juga mampu diperlihatkan dalam tajuk cerita rakyat *Jong Terbakar*. Hal ini mampu diperincikan seperti petikan di bawah:

Petikan 2

Cerita ini mengisahkan tentang sebuah kampung yang diberi nama Jubakar Pantai yang terletak di sebuah negeri bernama Kilatan. Cerita ini berkisarkan tentang sebuah jong atau kapal yang telah terbakar, tenggelam dan berubah menjadi pulau. Kisah ini bermula dengan seorang pemuda yang tinggal bersama ibunya di sebuah kampung yang berdekatan dengan pantai. Kehidupan mereka sangatlah daif dan melarat. Mereka tinggal di sebuah pondok yang usang dan buruk. Hidup mereka berada dalam keadaan serba daif dan hanya bergantung kepada hasil hutan dan hasil laut.

(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Melalui petikan di atas, sikap saling kebergantungan menerusi perlakuan bergotong-royong mampu diperincikan melalui watak Pemuda dan Ibu. Watak ini dilihat saling bergotong-royong untuk mendapatkan hasil hutan dan hasil laut bagi menyara kehidupan

mereka. Walaupun kehidupan mereka sangat miskin namun mereka tidak pernah mengharapkan bantuan sesiapa untuk meneruskan kehidupan mereka. Mereka saling bergantung antara satu sama lain bagi meneruskan kelangsungan hidup. Kerajinan mereka setiap hari memungut hasil itu dilihat sebagai kesungguhan mereka dalam menghadapi cabaran kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak pernah berputus asa untuk saling berusaha mencapai matlamat mencari keperluan kehidupan mereka.

Tajuk cerita rakyat *Tok Ayah Sin* juga memaparkan sikap saling kebergantungan menerusi perlakuan bergotong-royong. Hal ini mampu diperjelaskan melalui petikan seperti di bawah:

Petikan 3

Tok Ayah Sin juga banyak menyumbang dalam sektor pembangunan khususnya pembinaan masjid dan surau dalam kampung tersebut. Pada suatu hari, beberapa penduduk kampung menyuarakan pendapat kepada Tok Ayah Sin untuk membina sebuah surau. Tetapi, mereka tidak mempunyai tanah yang cukup untuk membina sebuah surau. Beliau dengan secara sukarela mewakafkan tanahnya untuk penduduk kampung membina sebuah surau. Penduduk kampung berasa gembira dan berterima kasih dengan Tok Ayah Sin kerana sanggup mewakafkan tanahnya demi kebaikan penduduk kampung.

(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, watak Tok Ayah Sin dan orang kampung memperlihatkan sikap saling kebergantungan menerusi perlakuan bergotong-royong. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat kampung pada ketika itu memerlukan sebuah surau bagi menempatkan jemaah namun tidak mampu melaksanakannya kerana tiada tempat yang sesuai. Oleh kerana itu, Tok Ayah Sin telah mewakafkan sebidang tanah untuk membina sebuah surau di kampung itu. Pemberian Tok Ayah Sin diterima secara baik apabila mereka saling bergotong-royong untuk menubuhkan surau tersebut. Perkara tersebut telah mendatangkan perasaan gembira dalam kalangan masyarakat kampung itu.

Menurut pendapat Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana (2017) telah menyatakan bahawa gotong-royong adalah perlakuan individu yang diiringi dengan daya usaha kekuatan fizikal bagi membantu orang sekelilingnya. Perlakuan ini tidak dilakukan oleh seseorang individu malahan dilakukan secara giat oleh sekelompok masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia memiliki keazaman untuk sentiasa memperbaiki kehidupan lantas mereka memerlukan bantuan orang sekelilingnya. Kesannya, ia mampu melahirkan sebuah kerjasama yang utuh dalam kalangan masyarakat yang mengamalkannya. Seterusnya, menurut pandangan Ani Omar (2017) gotong-royong adalah perlakuan saling tolong-menolong sesama masyarakat yang sama kebudayaan dan prinsip kehidupannya. Aktiviti ini sering kali dilakukan di kawasan perkampungan dan kurang diamalkan di penempatan bandar raya. Melalui perlakuan ini, masyarakat kampung dilihat memiliki perpaduan yang utuh serta saling memerlukan antara satu sama lain. Natiujahnya, masyarakat di kawasan kampung memiliki sebuah komited berlandaskan perpaduan dan identiti sesebuah komuniti.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi Pengkaedahan Alamiah, iaitu Pendekatan Gunaan. Pendekatan Gunaan ini digambarkan sebagai penggunaan objek yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Melalui cerita rakyat di atas, ia memperlihatkan bagaimana watak-watak memanfaatkan objek sekeliling mereka untuk memberi kebaikan yang positif kepada masyarakat setempat. Hal ini telah memberi pandangan yang baik terhadap watak tersebut. Oleh itu, penggunaan objek

secara bermanfaat mampu memperjelaskan bahawa ia memberi kesan positif secara maksimum kepada masyarakat yang mengamalkannya.

Sikap Sabar Melalui Perlakuan Baik Hati

Perlakuan baik hati disifatkan sebagai satu bentuk yang wujud daripada kekuatan jasmani dan emosi seseorang individu (*Kamus Dewan*, 2007; Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid, 2015; Mohd Fahmi Ismail, 2017). Baik hati dikatakan sebagai tindakan untuk mendapatkan sesuatu yang berharga atau hikmat. Hal ini mengakibatkan individu tersebut haruslah bersabar dalam menghadapi dugaan sewaktu untuk memperoleh hikmat tersebut. Oleh itu, pemikiran serta hati perlu saling berkait rapat dan memupuk jiwa yang positif terhadap alam sekelilingnya. Akibatnya, manusia bersikap sebegini mampu mewujudkan masyarakat yang saling hormat-menghormati hak orang lain. Perlakuan baik hati ini mampu diperhatikan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Tujuh Bersaudara* seperti petikan di bawah:

Petikan 4

Namun, hasilnya tetap sama dengan telaga yang sebelumnya tidak ada punca mata air yang ditemui. Saudara mereka yang keempat mengambil cangkul dan mula menggali telaga keempat dengan harapan menemui punca mata air untuk diminum. Kegagalan menjumpai punca mata air menimpa sehinggalah kepada saudara mereka yang keenam. “Sudah enam buah telaga kita gali, namun masih tidak jumpa punca mata air. Mungkin tidak ada rezeki untuk kita tinggal di sini.” kata salah seorang daripada mereka. Saudara mereka yang ketujuh menjawab, “Jangan berputus asa, saudara-saudaraku semua. Kita mesti berusaha, aku yakin ada rezeki untuk kita. In Sha Allah.” Maka, dia pun mula menggali telaga yang ketujuh jauh sedikit dari kawasan telaga-telaga yang telah digali. Setelah lama menggali, dengan izin Tuhan, maka terbitlah mata air dari bawah tanah dan lama-kelamaan memenuhi telaga ketujuh tersebut. Ketujuh-tujuh mereka mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Tuhan yang Maha Esa.

(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Melalui petikan di atas, perlakuan baik hati mampu diperhatikan dalam watak tujuh bersaudara. Hal ini berlaku demikian kerana mereka mampu bersabar menjalani cabaran hidup, iaitu mencari punca air bagi kelangsungan kehidupan. Biarpun berkali-kali dicuba menggali mencari punca air dan tidak menemukannya namun mereka masih bersabar serta yakin dengan kehendak Ilahi. Oleh itu, mereka berusaha sedaya upaya mencari punca air dengan penuh ketabahan. Mereka dikatakan memiliki kebaikan hati kerana saling menyokong antara satu sama lain dan tidak pernah berputus asa sama sekali. Kebaikan hati mereka diberi ganjaran oleh Allah Yang Maha Berkuasa apabila mereka menemukan punca air setelah tujuh kali menggali telaga. Kesannya, tujuh bersaudara itu mula menetap dikawasan itu setelah menemukan punca air.

Lain daripada itu, sikap sabar menerusi perlakuan baik hati mampu dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Jong Terbakar*. Hal ini telah dibincangkan seperti petikan di bawah:

Petikan 5

Pada suatu hari, pemuda tersebut termenung dan berfikir cara untuk mengubah nasib hidupnya dan ibunya yang miskin. Tiba-tiba, dia mempunyai satu buah fikiran tentang cara untuk mengubah hidupnya menjadi kaya. Dia ingin pergi merantau ke tempat lain dan mencari pekerjaan yang boleh memberi hasil yang lumayan kepadanya. Lalu,

dia menyatakan hasratnya dan meminta kebenaran daripada ibunya, "Ibu, aku ingin merantau ke tempat lain untuk mencari rezeki yang lebih lumayan supaya dapat mengubah hidup kita," kata pemuda tersebut. Ibunya bertanya kembali kepada anaknya, "Kamu ingin merantau ke mana dan dengan menaiki apa, anakku?" Pemuda tersebut menjawab, "Aku ingin menumpang jong seorang nakhoda dan mengikutinya merantau ke mana sahaja." Ibunya hanya terdiam sejenak kerana jauh di sudut hatinya dia tidak rela untuk membenarkan anaknya itu pergi merantau jauh kerana bimbang akan keselamatan. Namun, mengenangkan nasib kehidupan mereka yang daif dan niat murni anaknya ingin mencari rezeki demi mengubah nasib mereka, si ibu membenarkan anaknya pergi merantau.

(Mohd Nawī Yaacob, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, sikap sabar menerusi perlakuan baik hati dapat dibincangkan pada watak ibu. Watak ibu dilihat sangat baik hati apabila terpaksa merelakan hatinya untuk membenarkan anaknya mengembara dengan mengikuti nakhoda kapal. Kebaikan hatinya itu dapat dilihat apabila dia menangi pemergian anaknya itu. Hal ini dikatakan demikian kerana kehidupan mereka berdua sangat miskin dan anaknya itu berusaha untuk memperbaiki kehidupan mereka berdua. Natijahnya, malang bagi nasib ibu apabila anaknya yang pergi merantau akhirnya kembali namun menidakkan identitinya sebagai ibu kandung.

Menurut pendapat Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid (2015), perlakuan baik hati merupakan tindakan yang dilakukan secara berskala dan berterusan. Perlakuan sabar ini mampu menyelesaikan permasalahan secara rasional tanpa melibatkan emosi seseorang individu. Hal ini timbul apabila kesabaran menjadi kunci utama seseorang individu dikala menghadapi kesulitan hidup yang dikurniakan oleh Allah Yang Maha Berkuasa. Maka, kesabaran dilihat sebagai sesuatu manfaat kepada manusia dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan liku serta cabaran kerana diakhir tindakan tersebut manusia diberi ganjaran berganda. Dengan itu, kehidupan yang lebih harmoni mampu digapai oleh seseorang individu. Selain itu, Mohd Fahmi Ismail (2017) telah memperjelaskan bahawa ia adalah ketabahan hati individu yang tinggi tanpa menyalahkan kesalahan tersebut kepada individu lain. Hal ini tercetus apabila melihat keadaan individu tersebut tidak mengekspresikan emosi marah terhadap sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupannya. Individu ini tidak bersikap terburu-buru dalam menyelesaikan masalah dan mampu menanganinya secara rasional. Dengan berbuat demikian, ia mampu melahirkan seseorang individu berkebolehan dalam mengawal perasaan marah dan bersikap rasional.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi Pengkaedahan Alamiah, iaitu pendekatan Firasat. Pendekatan Firasat merupakan satu bentuk pengalaman yang dirasai oleh seseorang individu sehingga mampu menjadi satu matlamat yang khusus. Hal ini disebabkan oleh watak-watak dalam cerita rakyat di atas memperlihatkan situasi yang menimpa mereka. Oleh kerana situasi yang buruk telah menimpa mereka, lantas telah membuatnya lebih fokus untuk mencapai matlamat hidup, iaitu memperbaiki kehidupan kepada yang lebih baik. Dengan berbuat demikian, watak-watak tersebut mampu merealisasikan matlamatnya dengan kesabaran serta usaha yang gigih.

Sikap Toleransi Menerusi Perlakuan Bermuafakat

Perlakuan bermuafakat ditakrifkan sebagai perlakuan yang disepakati oleh semua pihak tanpa sebarang paksaan (*Kamus Dewan*, 2007; Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop, 2015; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini berpunca daripada persetujuan secara bersama-sama oleh masyarakat bagi menyelesaikan permasalahan yang

terjadi. Hal ini menyebabkan wujudnya suatu perundingan untuk mencapai kata sepakat oleh masyarakat setempat. Dengan keadaan sedemikian, perundingan tersebut mampu mewujudkan situasi yang harmoni dalam kalangan masyarakatnya. Sikap toleransi menerusi perlakuan bermuafakat mampu diperhatikan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Tok Ayah Sin*. Ia mampu dibincangkan secara terperinci dalam petikan seperti di bawah:

Petikan 6

Selain itu, beliau juga sering dijadikan orang untuk dirujuk sekiranya berlaku sebarang kekeliruan. Pada suatu hari, beliau ternampak satu upacara memuja yang dijalankan oleh orang kampung. Lalu, timbul rasa tanggungjawab di dalam hatinya untuk melarang perbuatan yang dianggap syirik dan menyekutukan Allah SWT. “Aku menyeru supaya orang kampung tidak lagi melakukan upacara memuja tersebut kerana ia jelas menyekutukan Allah SWT.” seru Tok Ayah Sin kepada orang kampung. Orang kampung menerima teguran daripada Tok Ayah Sin kerana mereka tahu sekiranya Tok Ayah Sin menegur sesuatu perbuatan, sudah pasti perbuatan tersebut akan mendatangkan mudarat kelak. Jadi, mereka menghentikan upacara memuja tersebut.

(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Menerusi petikan di atas, sikap toleransi menerusi perlakuan bermuafakat mampu diperlihatkan pada watak Tok Ayah Sin. Tok Ayah Sin dikatakan memiliki bentuk keperibadian yang warak berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu, apabila orang kampung memuja sesuatu yang dianggap khurafat lantas Tok Ayah Sin bersuara dengan cara menegur masyarakat setempat. Teguran itu dikatakan diambil daripada sudut positif dan orang kampung juga telah menghentikan perbuatan tersebut. Mereka saling bermuafakat apabila terjadi sesuatu perkara yang mendatangkan kesalahfahaman antara mereka. Melalui langkah perbincangan, orang kampung mampu menerima teguran itu dengan cara berhemah malah mengambil ia daripada pandangan positif sahaja.

Selanjutnya, cerita rakyat bertajuk *Kapal Tujuh Pengembara* juga mempamerkan sikap toleransi menerusi perlakuan bermuafakat. Hal ini dibincangkan melalui petikan seperti di bawah:

Petikan 7

Mereka memulakan perjalanan dengan berjalan kaki di kampung tersebut sehinggalah mereka sampai ke sebuah rumah. “Assalamualaikum” salah seorang daripada mereka memberi salam. Tidak lama selepas itu pintu rumah itu dibuka dan terpacul seorang tua di depan pintu rumah tersebut. “Walaikumusalam, siapa kalian semua?” tanya orang tua itu. Salah seorang daripada tujuh pengembara itu menjawab “Kami tujuh sahabat terdampar di pantai kerana kapal rosak dipukul rosak, kami ingin minta izin untuk tumpang berteduh di sini sebentar”.

(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Melalui petikan di atas, sikap saling toleransi menerusi perlakuan bermuafakat dapat dilihat pada watak tujuh pengembara. Tujuh pengembara ini dikatakan mengalami kerosakan kapal yang membuatkan mereka tidak mampu meneruskan perjalanan. Oleh itu, mereka telah bersetuju untuk mengelilingi kampung yang berada di situ. Hal ini kerana mereka ingin menumpang bermalam kerana hari telah pun gelap tambahan pula mereka tidak biasa dengan

kawasan tersebut. Akhirnya, mereka mampu tumpang berteduh di sebuah rumah milik orang kampung.

Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) telah memperincikan mengenai perlakuan muafakat merupakan satu bentuk gagasan kerjasama yang disepakati bersama-sama. Ia diwujudkan melalui kata persetujuan antara dua pihak. Persetujuan ini mampu digapai dengan langkah berbincang antara satu sama lain. Hal ini membolehkan persetujuan diperolehi tanpa pergaduhan dalam kalangan masyarakat. Kesannya, masalah mampu diselesaikan menggunakan idea yang kreatif dihasilkan menerusi perbincangan sesama masyarakat. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), muafakat ialah tindakan kolobratif sesama masyarakat setempat bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Hal ini bersangkut-paut dengan kesesuaian idea atau kreativiti pemikiran masyarakat setempat untuk sama-sama menyelesaikan masalah. Oleh hal yang demikian, idea yang bernas disampaikan oleh individu mahupun kelompok komuniti akan dibincangkan secara terperinci menerusi suara majoriti. Natiujahnya, kesepakatan yang dilakukan mampu untuk memuaskan hati dan pandangan masyarakat disekelilingnya.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pengkaedahan Alamiah, iaitu pendekatan Moral. Pendekatan Moral ialah satu bentuk gagasan yang dilalui melalui pengalaman hidup seseorang yang mampu memberi impak positif atau negatif kepada masyarakat. Ia melibatkan aspek kerohanian yang utuh dalam diri individu tersebut. Melalui watak-watak yang dibincangkan, ia memberi gambaran bahawa kesepakatan yang dilakukan mampu memberi kesan kepada kehidupan masyarakat sekeliling bahkan memberi manfaat yang berguna. Kesannya, masyarakat mampu menjalani kehidupan yang harmoni dengan kesepakatan yang dipersetujui.

Tindakan Mengawal Hawa Nafsu dalam Kalangan Masyarakat

Tindakan mengawal hawa nafsu dalam kalangan masyarakat merupakan dasar yang dilakukan menerusi perancangan terhadap kumpulan tertentu tanpa sikap diskriminasi (*Kamus Dewan*, 2007; Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud & Nor Asiah Muhamad, 2017; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Hal ini disebabkan oleh panduan fahaman bukan kolektif yang diamalkan oleh masyarakat setempat. Ia mampu mengawal hawa nafsu yang membelenggu kehidupan manusia. Oleh itu, golongan ini mampu memiliki kehidupan yang lebih baik dan bersistematik. Tindakan mengawal hawa nafsu dalam kalangan masyarakat mampu diperhatikan dalam tajuk cerita rakyat *Tok Ayah Sin*. Ia diperincikan melalui petikan seperti di bawah:

Petikan 8

Selain itu, beliau juga sering dijadikan orang untuk dirujuk sekiranya berlaku sebarang kekeliruan. Pada suatu hari, beliau ternampak satu upacara memuja yang dijalankan oleh orang kampung. Lalu, timbul rasa tanggungjawab di dalam hatinya untuk melarang perbuatan yang dianggap syirik dan menyekutukan Allah SWT. "Aku menyeru supaya orang kampung tidak lagi melakukan upacara memuja tersebut kerana ia jelas menyekutukan Allah SWT." Seru Tok Ayah Sin kepada orang kampung. Orang kampung menerima teguran daripada Tok Ayah Sin kerana mereka tahu sekiranya Tok Ayah Sin menegur sesuatu perbuatan, sudah pasti perbuatan tersebut akan mendatangkan mudarat kelak. Jadi, mereka menghentikan upacara memuja tersebut.

(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, tindakan mengawal hawa nafsu dalam kalangan masyarakat mampu diperhatikan pada watak Tok Ayah Sin. Tok Ayah Sin dilihat hanya menegur secara baik apabila dia melihat aktiviti pemujaan dilakukan oleh orang kampung. Watak ini tidak menggunakan pertuturan yang kasar apabila melihat kemurkaran yang dilakukan oleh orang kampung. Watak ini dikatakan bijak mengawal hawa nafsu marahnya apabila menegur perbuatan tersebut. Dengan berbuat demikian, orang kampung lebih menghormati dia sebagai tokoh agama di kampung tersebut dan mampu menerima teguran sedemikian rupa.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud & Nor Asiah Muhamad (2017) telah memperjelaskan bahawa tindakan mengawal hawa nafsu dalam kalangan masyarakat adalah satu bentuk penggubalan undang-undang yang dilaksanakan bagi mengatasi sesuatu perkara berkaitan hawa nafsu. Hal ini wujud akibat daripada perintah yang dikeluarkan oleh seseorang atau komuniti untuk mencegah sesuatu perbuatan negatif dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, tindakan secara terperinci perlu dilakukan oleh golongan pemerintah. Akibatnya, perlakuan manusia mampu dikawal secara baik sama ada melalui pertuturan serta perlakuannya. Sementara itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menegaskan bahawa tindakan mengawal hawa nafsu dalam kalangan masyarakat merupakan satu bentuk dasar yang ditujukan kepada sesebuah masyarakat atau golongan minoriti untuk mencapai matlamat utama. Matlamat kebiasaannya berlandaskan aspek pendidikan atau pekerjaan selain bertujuan menyelaraskan ketidakseimbangan dalam sesebuah komuniti. Akhirnya, ketidakseimbangan yang berlaku dalam komuniti mampu dikawal secara berperingkat dan ke arah sudut positif.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi Pengkaedahan Alamiah, iaitu Pendekatan Moral. Pendekatan Moral ini dikatakan bersesuaian dengan perilaku yang dipamerkan oleh watak cerita rakyat tersebut. Hal ini kerana melalui pengamatan hidup Tok Ayah Sin sebagai seorang ulamak, dia berhak menegur sesuatu keburukan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Hal ini disusuli fakta yang bercanggah dengan ilmu agama yang didalaminya itu. Oleh itu, penerimaan secara positif dilakukan oleh orang kampung merupakan kesan daripada teguran yang dilakukan oleh Tok Ayah Sin.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini telah memaparkan akal budi secara terperinci yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Ia dikatakan demikian apabila pengkaji mampu mendedahkan intipati akal budi kepada khalayak menerusi kajian sebegini. Kajian ini mampu memartabatkan kesinambungan kesusasteraan tradisional masyarakat Melayu khususnya di Kelantan. Melalui kajian ini juga, golongan muda mampu didedahkan dengan aspek akal budi dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Tujuannya bagi memupuk kesedaran diri dan akhlak yang positif dalam kalangan pembaca khususnya golongan muda pada hari ini. Elemen dalam cerita rakyat ini telah mampu mendidik golongan muda menerusi pengetahuan moral, sikap dan juga tauladan. Hal ini menyebabkan elemen akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat dapat menonjolkan tingginya nilai peradaban masyarakat Melayu. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Melayu mampu mendidik anak-anak menjadi orang yang bertanggungjawab memimpin sebuah negara pada masa akan datang. Justeru, pendidikan tentang akal budi dalam penyampaian cerita rakyat seharusnya dipergiatkan lagi bagi membina generasi yang bertamadun dan berintegriti. Kajian ini perlu diwariskan kembali kepada golongan muda sebagai peneraju kebudayaan masyarakat Melayu.

PENGHARGAAN

Makalah/artikel ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

RUJUKAN

- Ani Omar. 2017. Cerita Kanak-Kanak Berunsur Mitos, Legenda dan Sejarah Membina Kecendikiaan Murid-Murid Sekolah Dalam Hospital. *Journal of Education and Sosial Science*. 7(1), 2289-1552.
- Asniza Zakaria. 2019. Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*. 26(1), 203-211.
- Dundes, A. 1965. *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. 2015. Akal Budi Melayu dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu*. 14(20), 260-273.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. 2021. Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragan di Sabah. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 32(1), 175-201.
- Kamus Dewan*. 2007. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fahmi Ismail. 2017. Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. 2015. Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *Internasional Journal of Education and Training*. 3(1), 479.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. Nilai-Nilai Murni Dalam *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. Gambaran Nilai Murni dalam *Seuntai Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pengaplikasian Konsep Rohani*. *Journal of Business and Social Development*. 6(2), 1-10.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. 2016. Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Business and Sosial Development*. 4(2), 48-57.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud & Nor Asiah Muhamad. 2017. Cerita Rakyat Orang Asal Sabah sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Tenaga Pengajaran Asia Pasifik*. 5(4).
- Mohd Nawawi Yaacob. 2020. *Tujuh Bersaudara*. Temu Bual. 15 Sept.
- Mohd Nawawi Yaacob. 2020. *Jong Terbakar*. Temu Bual. 15 Sept.
- Mohd Nawawi Yaacob. 2020. *Tok Ayah Sin*. Temu Bual. 15 Sept.
- Mohd Nawawi Yaacob. 2020. *Kapal Tujuh Pengembara*. Temu Bual. 15 Sept.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2020. Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 10(2), 48-56.

- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2021. Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20(1), 79-92.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. 2021. Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Issues in Language Studies*. 10(1), 110-130.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2013. *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaludin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. 2017. Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(2).
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. 2020. Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*. 3(2), 147-160.
- Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah. 2017. *Akal Budi Sastera Rakyat Naratif dan Bukan Naratif*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. 2018. Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin Menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 28-42.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai’e Sujud. 2019. Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*. 4(1), 77-89.
- Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2016. Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 4(1), 93-103.
- Shaiful Bhari Md Radzi. 2016. Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 31(2).

Biodata Penulis:

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB (PhD), adalah Pensyarah Kanan & Penyelaras Penerbitan Berindeks, Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu/Kesusasteraan Warisan (Cerita Rakyat, Nyanyian Rakyat, Puisi, Novel, Drama, Cerpen, Tamadun dan Kebudayaan Melayu, Apresiasi Estetika, Reka Bentuk Tradisional, Teori & Kritikan Sastera).